

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**SOALAN**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Mesir di dalam membantu rakyat Malaysia di sana khususnya para pelajar yang berdepan dengan kesukaran untuk memperbaharui visa dengan pihak Kerajaan negara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat seramai 11,600 orang pelajar Malaysia yang sedang melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang di beberapa buah universiti di Mesir bagi tahun 2019. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 6,600 orang pelajar merupakan penuntut di Universiti Al-Azhar di mana sebahagian daripada mereka berhadapan dengan masalah kelewatan dalam urusan memperbaharui visa pelajar masing-masing. Masalah ini timbul apabila berlaku perubahan prosedur dalaman pihak Universiti Al-Azhar dan Jabatan Imigresen Mesir bagi urusan memperbaharui visa yang menjelaskan keseluruhan proses melibatkan pelajar asing bermula pada akhir tahun 2018.

3. Pihak Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir sentiasa peka dan mengambil berat akan masalah yang dihadapi oleh pelajar Malaysia di Mesir termasuk masalah pembaharuan visa. Susulan daripada aduan yang diterima, pihak Kedutaan Besar telah mengadakan beberapa pertemuan dan perbincangan dengan pihak berkuasa Mesir untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh para pelajar Malaysia.
4. Terbaharu, Duta Besar Malaysia ke Republik Arab Mesir dan beberapa pegawai Kedutaan telah mengadakan pertemuan dengan Syeikh Prof. Dr. Ahmad Tayyib, Sheikh Al-Azhar Al-Sharif pada 28 Mei 2019 yang lalu bagi membincangkan masalah pembaharuan visa pelajar di mana senarai pelbagai masalah pelajar-pelajar Malaysia di Mesir telah dikemukakan untuk perhatian dan tindakan pihak Al-Azhar. Hasil dari perjumpaan tersebut, Sheikh Al-Azhar telah bersetuju untuk membantu dalam memudahkan urusan pembaharuan visa pelajar Malaysia.
5. Pada masa yang sama, pihak Kedutaan Besar juga turut mengadakan pertemuan secara berkala dengan Kementerian Luar Negeri Mesir serta beberapa agensi Kerajaan Mesir yang lain seperti Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri Mesir bagi membincangkan isu tersebut. Perkara ini turut akan di bincangkan di dalam Mesyuarat Rundingan Dua Hala di antara kedua-dua Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Mesir yang dijadualkan berlangsung di Kaherah pada 25 Julai 2019.

Sekian, terima kasih.